

Headline **Konvoi amal bermotosikal Modenas**
Date **13 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **205 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **9,031**
PRValue **27,094**



Konvoi amal bermotosikal Modenas

SATU acara penjelajahan bermotosikal oleh lapan penunggang motosikal dari Itali telah diadakan bagi mengutip dana untuk membantu kanak-kanak di Saigon. Konvoi bermula dari Shah Alam, Selangor pada 30 Julai 2010 akan ke Singapura dan seterusnya melalui Pantai Timur Semenanjung, Thailand, Kemboja dan akan berakhir di Saigon, Vietnam.

Dana yang dikumpul adalah untuk membantu kanak-kanak Vietnam yang dijangkiti virus HIV/AIDS yang dinamakan New Hope For Cambodian Children. Semua penunggang akan menaiki motosikal Modenas yang dipinjamkan bagi menjayakan misi itu.

Satu majlis pelepasan telah di Shah Alam pada 30 Julai lalu bagi meraikan permulaan konvoi berkenaan.

Menurut jurucakap konvoi itu yang pernah bermastautin



■ Peserta konvoi pada majlis pelepasan di Shah Alam.

di Malaysia selama sembilan tahun, program ini memang merancang penggunaan

motosikal Modenas memandangkan ianya adalah pengeluaran tempatan. Setakat

ini sebanyak RM100,000 berjaya dikutip dari pelbagai pihak bagi tujuan amal berkenaan.